# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 49 | RABU 6HB. DISEMBER, 1978. | 1398 رابو 5 محرم | PERCHUMA


## BRUNEI NYARIS MENANGI "PIALA BORNEO"



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan sedang menyampaikan Piala Borneo kapada ketua pasokan Sabah, James Wong, sa-telah Sabah berjaya mempertahankan gelaran-nya sa-bagai juara bola sepak tiga wilayah tahun ini. Sejak tahun lalu, apabila Piala Borneo di-hidupkan semula dan Kebawah DYMM mengorniakan Piala yang menjadi lambang perlawanan itu, Sabah ada-lah wilayah yang pertama memenangi-nya di-perlawanan yang berlangsong di-Sarawak.

Gambar tengah kelihatan Awang Daim Haji Ali, Ketua Pasokan Brunei menerima hadiah dari Baginda Yang Dipertuan, sementara gambar kanan sekali Baginda mengorniakan chenderamata kapada salah sa-orang pemain Sarawak.

Perlawanan hari pertama antara Sabah dan Sarawak, Sabah menunjokkan kehandalan-nya dengan menewaskan Sarawak 4-1; hari kedua apabila Brunei bertemu dengan Sarawak, pasokan Sarawak menunjokkan permainan yang chemerlang dan tidak dapat di-tewaskan oleh Brunei dengan kedudokan seri tanpa sa-barang gol.

Di-perlawanan akhir pula, Brunei menghadapi Sabah dengan penoh hati2 dan di-sepanjang perlawanan berjalan, kechemerlangan dan ketangkasan pasokan Brunei menghadapi pasokan gergasi itu tidak senang untok di-nafikan, sebalek-nya serangan2 Brunei dan taktik-nya sunggoh mengejutkan Sabah. Kedudokan-nya sa-hingga akhir perlawanan, Sabah dan Brunei ada-lah sama2 gagah tanpa menjaringkan sa-barang gol pun.

Perlawanan tahun depan akan di-adakan di-Sabah.

## M.B. KESALI UJUD-NYA KEGIATAN BERJUDI DAN MENIPU DI-BUMI DARUSSALAM INI



Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pg Abd Momin.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail telah menarek perhatian terhadap sa-jenis perangai dan perbuatan "pro-maksiat" yang berlaku di-Brunei.

"Perbuatan2 itu ia-lah kegiatan2 berjudi dan menipu di-kalangan sa-bahagian orang. Hal ini bukanlah rahsia lagi, tetapi sudah menjadi siaran2 di-radio, TV dan juga akhbar", sabda Yang Amat Mulia itu.

Semua ini, sabda Yang Amat Mulia itu, tidak shak lagi boleh berlaku disebabkan rasa ingat dan iman kapada Allah ada-lah tipis.

"Judi itu perosak hidup, perosak segala2-nya. Orang yang beriman tidak akan melakukan ini, yang bermakna merosak diri-nya sendiri, keluarga-nya, masharakat-nya dan negara-nya, dan iman itu ia-lah taat, patoh, jujor dan kaseh sayang yang mendalam", sabda-nya.

Seterus-nya Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengingatkan bahawa kaseh kapada negeri ada-lah sa-bahagian daripada iman, dan tanda-nya ia-lah bekerja dalam apa2 yang mendatangkan kebaikan kapada-nya, dan meninggalkan perkara2 yang tidak berfaedah, yang boleh membahayakan-nya dari segi menggugat ketenteraman atau menjatohkan imej-nya.

Bersabda dalam nada menyesali ujud-nya kejadian yang keji itu di-bumi Darussalam ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengingatkan raayat betapa penting-nya nama baik Brunei di-pelihara dengan sebaik-nya supaya tidak akan di-chemari oleh perbuatan2 yang sa-demikian itu.

"Brunei ada-lah sa-buah negeri Islam, mempunyai Raja yang berdaulat yang berugama Islam, maka sewajar-nya-lah kita sa-bagai raayat tidak akan tergamak mengabaikan tanggong-jawab kita yang terbesar, ia-itu memelihara dengan sa-daya upaya kita akan kesuchian Islam dan keamanan Negeri", sabda Yang Amat Mulia itu lagi.

Lihat muka 16

## *Kerajaan akan beri penjelasan*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pehak Kerajaan di-jangka akan memberikan penjelasan2 terhadap soalan2 yang akan di-kemukakan tentang sa-jauh mana projek2 pembangunan negara di-lakukan untok faedah2 raayat.

Lima orang ahli yang di-lantek akan mengemukakan 32 soalan jawab mulut dalam sidang Majlis Mashuarat Negeri yang bermula hari ini.

Wakil dari Daerah Tutong, Yang Berhormat Awg Chong Seng Toh akan mengemukakan 10 soalan berhubong dengan kawalan2 keselamatan di-pendalaman dan berbagai kemudahan asas saperti jalan-raya sa-lain dari perkembangan pentadbiran daerah.

Beliau juga akan chuba menarek perhatian supaya penerbitan "Pelita Brunei" di-ubah hari pengeluaran-nya.

Wakil pendalaman Belait, Yang Berhormat Pehin Datu Singamenteri Awang Ariff bin Mujun akan mengemukakan 6 soalan yang antara-nya ia-lah mengenai pemusitan tanah.

Sa-lain dari itu, Kerajaan akan di-tanya tentang pembukaan Sharikat2 Kewangan dan jaminan2 yang di-perlukan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Setia, Awang Haji Ali bin Ismail akan mengemukakan tujoh soalan yang antara-nya ia-lah mengenai bangunan Pejabat2 Kerajaan yang baru, ranchangan perpindahan dan masaalah ketiadaan doktor2 perempuan.

Pemodalan Negeri Brunei di-dalam Sharikat Crown Agents di-England ada-lah antara yang akan di-persoalkan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Latif bin Awang Abdul Hamid.

Yang Berhormat itu juga akan bertanya mengenai dengan wang simpanan Kerajaan di-luar negeri dan beliau juga akan bertanya mengenai kemungkinan di-tubohkan satu Badan Kajian bagi meneliti pelaksanaan perbelanjaan Kerajaan.

Wakil dari Daerah Temburong, Yang Berhormat Pehin Datu Laila Raja Awg Haji Abu Bakar bin Baha akan mengemukakan enam soalan yang berkisar di-sekitar perkembangan Temburong terutama sekali dari segi kemudahan2 yang di-fikirkan-nya perlu di-laksanakan segera oleh Kerajaan bagi kebajikan raayat di-daerah itu.

## Pegawai2 Yunit Latehan hadhiri kursus di-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai kanan kerajaan di-Jabatan Perjawatan pada hari Ahad lalu telah meninggalkan negeri ini untok menghadhiri kursus sengkat di-Singapura.

Mereka ia-lah, Awg Hj Jaya bin Abd Latif, Ketua Yunit Latehan dan Awg Mustafa bin Hj Abd Rahman, Pegawai Latehan akan berada di-republik tersebut sa-lama kira2 tiga minggu.

Mereka akan menghadhiri kursus dalam bidang 'Effective and Leadership Management' dan 'Budgetry Control Management' yang di-kendalikan oleh Price Waterhouse Associates Management Consultant ia-itu sa-buah firma yang mempunyai kepakaran dalam pengurusan.

Lihat muka 16

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

6HB DISEMBER, 1978

# DARAH TETAP DI-PERLUKAN

MENDERMA darah sering di-anggap sa-bagai suatu perbuatan yang menyakiti atau menakutkan kapada sa-bilangan anggota masharakat di-samping ia-nya di-anggap sa-bagai suatu yang tidak mendatangkan apa hasil kapada orang yang menderma-nya. Betapa tidak dalam melakukan sesuatu kerja pemindahan darah dari dalam tuboh ka-dalam bekas plastik di-mana darah itu di-simpan kita akan melihat betapa sa-batang jarum yang di-gunakan sudah chukop menggerunkan bagi orang yang melihat-nya di-samping akan beranggapan bahawa darah yang di-dermakan itu susah sekali untok di-ganti.

Tetapi tahu-kah awda bahawa kesakitan yang di-rasakan oleh penderma ketika pengambilan darah itu di-lakukan dengan keadaan jarum yang agak besar sesunggoh-nya ada-lah tidak seberapa dari apa yang di-rasakan oleh sa-tiap pesakit yang benar2 memerlukan pertambahan darah yang sa-olah2 pesakit itu sedang bertarong antara hidup dan mati. Kerana itu apa-kah kita rela melihat saudara2 kita terus menderita kesakitan kerana ketiadaan bekalan darah yang menchukopi atau yang sesuai dengan kehendak tuboh-nya yang ada di-bekalkan oleh Tabong Darah di-Rumah Sakit Umom di-negeri ini ?

Justeru dalam hal ini kesedaran di-kalangan diri kita terutama masharakat perlu-lah mendapat suatu perubahan yang positif dan menyeluroh agar anggapan2 demikian akan sa-pantas-nya menghilangkan perasaan takut untok tampil mendermakan darah mereka kapada Tabong Darah yang sentiasa memerlukan sumbangan dan bakti kita.

Satu hal yang sangat menggembirakan dan menggalakkan bahawa kesedaran nampak-nya telah di-pelopori oleh golongan belia dan beliawanis yang terdiri dari angkatan pelajar. Umpama-nya suatu ketika dulu beberapa buah sekolah menengah dan maktab telah mengemukakan beberapa orang pelajar-nya sa-bagai penderma dan hasil-nya Tabong Darah telah dapat menambahkan bekalan darah yang perlu di-gunakan oleh pesakit2 yang terlantar di-rumah sakit dalam waktu2 kechemasan terutama pesakit2 yang terlibat dalam sesuatu kemalangan jalan-raya tanpa terlebeh dahulu menghubongi warith2 pesakit2 berkenaan.

Di-samping itu Tabong Darah juga terus tidak merasa hampa kerana sumbangan darah yang tidak mengenal balasan atau ganjaran itu terus menjelma dalam mana beberapa anggota pasokan keselamatan di-negeri kita tidak ketinggalan dari terchabar oleh inisiatif golongan pelajar tadi. Umpama-nya baru2 ini kaki-tangan bahagian pengambilan darah bergerak telah berjaya mengumpolkan darah sa-banyak 62 pint dari 62 orang kaki-tangan, pegawai2 kadet dan rekrut dari Pusat Latehan Pulis Diraja Brunei. Ini-lah satu2-nya derma darah yang terbesar pernah di-perolehi oleh tabong berkenaan sepanjang kegiatan pengambilan darah di-lakukan.

Dari apa yang di-fahamkan bahawa Tabong Darah sudah tidak asing lagi dengan derma darah yang di-berikan oleh anggota pasokan saperti ini bila2mana waktu kechemasan berkehendakkan darah di-perlukan, lantas pegawai2 berkenaan akan terus berhubong dengan anggota2 tersebut di-markas2 saperti AMDB, Pulis Diraja Brunei atau Pasokan Bomba.

Sesunggoh-nya pehak Rumah Sakit Umom sejauh ini telah memerlukan bekalan darah tidak kurang lima pint darah dalam sa-hari untok di-perlukan oleh sa-tiap pesakit yang terlantar di-rumah sakit. Oleh itu, ini bermakna bahawa rumah sakit berkehendakkan bekalan darah tidak kurang sepuloh pint darah dalam sa-hari ia-itu lima pint sa-bagai bekalan sa-lebeh-nya, dengan itu dalam sa-tahun bekalan darah yang di-perlukan ia-lah kira2 3,650 pint darah, sedangkan sa-hingga masa ini sejak awal Januari yang baru lalu Tabong Darah chuma dapat mengumpol darah dari derma orang ramai sa-jumlah 1,546 pint dan angka ini maseh berkurangan dari yang sa-patut-nya.

Sudah banyak chara di-lakukan oleh Tabong Darah dalam usaha mendapatkan bekalan darah terutama darah2 dalam kumpolan 'O' yang boleh berchampor dengan kumpolan2 darah yang lain saperti 'B', 'A' dan sa-bagai-nya. Cheramah2 sering di-berikan ketika mana pegawai2 pengambilan darah bergerak melakukan kerja pengambilan darah. Dalam pada itu pehak rumah sakit juga tidak ketinggalan untok memberikan sumbangan atau penghargaan yang berupa pingat dan sijil2 kapada penderma2.

# Sabda YAB Menteri Besar menyambut tahun baharu Islam



KELIHATAN Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Datin (baris hadapan kanan) beserta tetamu kehormat sedang menadah tangan memohon do'a ka-hadrat Allah s.w.t. di-majlis tersebut.

ALHAMDULILLAH, shukor ka-hadhrat Allah, salawat serta salam bagi Junjongan Besar Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wassalam, kerabat2 Baginda, para sahabat dan sekalian pengikut yang taat lagi jujor.

Saya sunggoh merasa gembira mendapat peluang ke-emasan ini, di-saat dan hari yang bersejarah kita sama2 berkumpol untok mengenang dan memperingati kembali peristewa besar yang tidak ada bandingan-nya dalam sejarah manusia. saperti sejarah hijrah Nabi Salallahu 'Alaihi Wassalam.

Hijrah erti-nya pindah, pada biasa-nya berpindah dari satu tempat ka-suatu tempat yang lain. Tetapi berbedza dengan hijrah Rasulullah Salallahu 'Alaihi Wassalam, Baginda berpindah dari tempat tumpah darah-nya, bukan semata2 dengan tujuan membawa diri, untok menchari keselisaan dan kesenangan, tetapi dengan niat dan tujuan terbesar, untok menyelamatkan ugama Allah, kerana pada masa itu, di-Negeri Mekah, kekufuran sedang ganas melanda, ibarat gelombang besar yang bila2 sahaja akan menghumbankan bahtera hidup orang2 Islam ka-batu2 karang, dengan tidak ada sedikit pun belas kasehan. Jadi tindakan Rasulullah ini ia-lah tindakan "menyelamat" bukan-nya lari, tindakan yang di-dorong oleh rasa keimanan dan chinta yang tidak belah bahagi kapada Allah, kapada ugama-Nya yang suchi.

Demikian-lah, saya telah di-fahamkan, bahawa thema sambutan awal Muharram tahun ini berbunyi: "KEIMANAN PELITA HIDUP." Thema ini amat menarek hati saya, kerana sifat-nya yang benar dan dapat di-huraikan dengan luas-nya. Orang yang beriman pasti tidak akan menolak segala bentok kebaikan yang wujud dan lahir dari ketaatan, kaseh sayang dan hormat terhadap hukum dan perentah2 Allah. Dan dalam masa-alah2 kemasharakatan juga sifat2 ini amat di-perlukan bagi mengekalkan kestabilan dan meninggikan nilai hidup raayat. Negara yang bahagia, ia-lah negara yang di-kendalikan dengan taat dan kaseh sayang: taat kapada Allah, kapada Rasul, kapada Raja dan Negara serta kaseh sayang kapada raayat. Ranchangan2 kemajuan hanya akan dapat berjalan dengan lanchar dan di-nikmati hasil-nya apabila semua raayat "titih" dan bertanggong-jawab menghormati peratoran dan undang2. Saya yakin, ini-lah satu2-nya jalan ugama kita yang suchi, yang di-suroh kita mengikut-nya, jika benar kita inginkan keselamatan dan kesejahteraan di-dunia dan lebeh2 lagi di-akhirat.

Kerana itu, suka-lah saya mengambil peluang di-sini berseru kapada orang ramai dan raayat di-negeri ini umum-nya supaya sentiasa-lah menselaraskan setiap kaulahan dan perbuatan kita itu dengan ajaran2 ugama Islam, sa-bagai tanda keimanan kita yang tulus dan bulat dan jauhi-lah apa2 jua pekerjaan yang tidak mendatangkan faedah yang bertentangan dengan ugama dan kepentingan negara dan isi2 di-dalam-nya.

Dalam masa akhir2 ini, terdapat sa-jenis perangai dan perbuatan "pro-maksiat" yang berlaku dalam negeri kita yang bernama Darussalam ini. Perbuatan2 itu ia-lah kegiatan2 berjudi dan menipu di-kalangan sa-bahagian orang. Hal ini bukan-lah rahsia lagi, tetapi sudah menjadi siaran2 di-radio, talivishen dan juga akhbar. Semua ini, tidak shak lagi boleh berlaku di-sebabkan rasa ingat dan iman kapada Allah ada-lah tipis. Judi itu perosak hidup, perosak segala2-nya. Orang yang beriman tidak akan melakukan ini, yang bermakna merosak diri-nya sendiri, keluarga-nya, masharakat-nya dan negara-nya.

Iman itu ia-lah taat, patoh, jujor dan kaseh sayang yang mendalam. Kaseh kapada negeri ada-lah sa-bahagian daripada iman, dan tanda-nya ia-lah bekerja dalam apa2 yang mendatangkan kebaikan kapada-nya, dan meninggalkan perkara2 yang tidak berfaedah, yang boleh membahayakan-nya dari segi mengugat ketenteraman atau menjatohkan imej-nya.

Dalam hal ini kita hendak-lah sedar, bahawa Brunei ada-lah sebuah Negeri Islam, mempunyai Raja yang berdaulat yang ber-ugama Islam, maka sewajar-nya-lah kita sa-bagai raayat tidak akan tergamak mengabaikan tanggong-jawab kita yang terbesar, ia-itu memelihara dengan sedaya upaya kita akan kesuchian Islam dan keamanan Negeri.

Itu-lah harapan saya bersempena dengan hari yang mulia ini. Dan akhir-nya dengan mendahulukan lafadz Bismillahir Rahmanir Rahim, salawat dan salam keatas Junjongan Besar kita Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wassalam, maka saya rasmikan-lah majlis sambutan Tahun Baharu Islam 1399 ini.

Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah bermula pada 29hb Nobember, 1978.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. LADA KERING — $3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Sin Sing Kee,
   No. 69, Jalan McArthur.
2. BAWANG MERAH — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Sharikat Haji Abdul Rahman.
      No. 94, Jalan Chevalier.
   b) A M. Mohammad Ali Maricar,
      No. 87, Jalan Chevalier.
   c) Leong Soon Huat,
      No. 1, Jalan McArthur.
   d) Ghee Guan,
      No. 4, Jalan McArthur.
   e) Liong Yu Company,
      No. 58, Jalan Sultan.
3. KITCHAP CHAP GOLDEN LEVEL — $1.50 sa-botol boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Chop Hock Huat,
   No. 62, Jalan McArthur.

**KUALA BELAIT**

1. LADA KERING — $3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Ng Ming Hong,
      No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.
   b) Yun Seng Supermarket,
      No. 84, Jalan Bunga Rambai.
2. BAWANG MERAH — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Sia Meng Heng,
      No. 31-B, Jalan Sungai.
   b) Chop Yee Seng,
      No. 46, Jalan Pretty,
3. KITCHAP CHAP GOLDEN LEVEL — $1.50 sa-botol boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Chop Yee Seng,
      No. 46, Jalan Pretty,
   b) Yun Seng Supermarket,
      No. 84, Jalan Bunga Rambai.

**SERIA**

1. LADA KERING — $3.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Koh Seng Hang,
      No. 17, Jalan Sultan Omar Ali,
   b) Soon Kheng,
      No. 50-B, Jalan Bunga Kuning.
   c) Siong Huat,
      No. 54, Jalan Bunga Kuning.
2. BAWANG MERAH — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Koh Seng Hang,
      No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Poh Sing,
      No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
3. KITCHAP CHAP GOLDEN LEVEL — $1.55 sa-botol boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Choo Heng,
   No. 30, Jalan Sultan Omar Ali.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 9hb hingga 14hb Dis. 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Birau | 9.12.1978 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiuding | 9.12.1978 | Sabtu | 2.45– 3.45 „ |
| Sekolah Melayu Lamunin | 9.12.1978 | Sabtu | 4.00– 5.00 „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | 11.12.1978 | Isnin | 2.00– 3.00 „ |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 11.12.1978 | Isnin | 3.30– 5.30 „ |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 12.12.1978 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak | 12.12.1978 | Selasa | 10.30–11.30 „ |
| Sekolah Melayu Dato Gandi | 13.12.1978 | Rabu | 8.30– 9.00 „ |
| Sekolah Melayu Serasa | 13.12.1978 | Rabu | 10.00–10.30 „ |
| Sekolah Melayu Mentiri | 13.12.1978 | Rabu | 10.45–11.15 „ |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 13.12.1978 | Rabu | 11.30–12.00 T-Hari |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa | 14.12.1978 | Khamis | 3.15– 4.15 petang |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Mesjid Lama, Muara | 14.12.1978 | Khamis | 4.30– 5.30 „ |

# INSTALLATION OF NEW TELEPHONES IN THE BSB AREA SUSPENDED

BANDAR SERI BEGAWAN. — Telecommunications Department is currently involved in a massive modernisation programme of the telephone system in and around Bandar Seri Begawan.

A statement issued by the department this week said two new exchanges are being built, one at Jalan Tutong to serve central Bandar Seri Begawan and the other on Jalan Madang to serve the area roughly north-east of the Istana Edinburgh, including both the present Lambak and Mangis exchanges.

These new exchanges, associated equipment, and line plant and other projects for improving the service within the State and to the countries overseas are scheduled to be brought into service in the quarter of 1979.

The statement said it is esssential for the success of this whole operation, that the telephone lines connected to these new exchanges, should be in perfect working order at the time of transfer and to this end exceptional measures are being taken.

Many of these are already in operation, but additional impetus to this work is now required, and can only be obtained by the suspension of the normal procedure of installing and removing telephones at the request of customers in the affected exchanges — Bandar Seri Begawan, Central, Lambak and Mangis.

From 1st January 1979, therefore, no such requests will be accepted by the department, until further notice, and any outstanding applications on hand at that date will be deferred until later.

This action will release normal installation staff for rehabilitation work, and plant improvement which is an essential prerequisite to the modernisation of the system.

The statement said the department regrets that this drastic action has to be taken, and apologises for any inconvenience which this may impose on upon existing and prospective customers.

## Quartet to perform at concert

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Music Society is organising a concert to be held at the Radio Television Brunei auditorium here in December 26.

An Australian piano-string quartet from the University of New England in New South Wales will perform at the concert.

The quartet which is currently on a tour of South East Asia will perform works by Mozart and Brahms.

Admission will be by tickets priced at ten dollars each. These tickets are now available from the Society and Sharikat Hasrah here.

## Physical Training Course

GADONG. — Twenty-nine physical training teachers from throughout the State are currently attending a gymnastic course at the Sultan Hassanal Bolkiah Teachers Training College here.

The one-week course which started last Saturday is organised by the Education Department as one of its annual projects.

It is conducted by two physical instructors, WO1 Norsah bin Haji Abdullah from the Royal Brunei Malay Regiment and Awg Quah Seng Chye, a lecturer at the college.

During the course the two men give lectures and demonstrations on such subjects as vaulting, agilities, trampoline and balancing beam.



The students being shown how angles and bearings are observed by a Theodolite.

# Students visit Survey Department

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ten of the sixteen land-surveying students from the Pusat Latehan Teknikal in Jalan Muara recently visited the Survey Department here as part of a study tour.

The visitors were met on arrival at the department by the Training Officer who briefed them on the duties and administration of the Survey Department.

They were then taken to each section. They first went to the Computing Section and were shown among other things the method of reducing Observed Bearings and Distances, and how the Hewlett Packard 9820A, a desk top computer, worked.

Next they visited the Drafting Section where demonstrations such as plotting by coordinates; the drawing of a survey plan; and charting pieces of land into the survey standard sheet from a plan were given.

This was followed by a visit to the Mapping Section which is made up of the Cartographic, Photogrammetric and Reprographic units. Demonstrations included on how a map was compiled, how the details from aerial photographs were plotted to appropriate scales and the method of processing the finished drawing by a large process camera.

Their visit ended at around three forty-five after being shown how Angles and Bearings were observed by a Theodolite, how a line was measured by using a chain either in link or metre and also how a line was measured by using an electronic distance measuring instrument called Distomat.



The Belait District Officer, Dato Paduka Awang Haji Abdullah (wearing songkok) looking at one of the exhibits.

# Stern action will be taken against persistent offenders

**A speech by the Medical Officer of Health, Dr K. P. Louis, at the Health Exhibition and Seminar held at the Civic Centre in Kuala Belait.**

The main purpose of this Exhibition and Seminar is to highlight the importance of food sanitation in the prevention of diseases and promotion of health. There are several diseases in which food and water are the main vehicles of infection. Food has been the course of many chemical poisoning. Certain food additives and adulterations have led to acute and chronic ill-health in man. We are primarily concerned about food and water-borne diseases such as cholera, typhoid, diarrohea, dysentery and food-poisoning which are serious public health problems. There are other aesthetic and general reasons to demand high standard of cleanliness and sanitation when catering food to the public who can rightly expect to receive wholesome food served in healthy and congenial environment. By environment we mean, all the aspects of human surroundings.

At an eating place, these include: clean eating area, hygienic utensils, equipment, linen and furniture; clean air and water; comfortable lighting and ventilation; an environment free from pollution by noise, smell, insects, and rubbish. No doubt, people cannot enjoy even the best food if served in a noisy, smelly and dirty surrounding.

Principles of food hygiene are applicable in various activities related to food production, processing, storage, distribution, preparation and service to the public. Thus, the basic rules of hygiene are to be followed at the farms, markets, shops, bakeries, food-factories, transport, media, kitchens, service areas and so on. Man is the important factor and the link in the cycle of food and water-borne diseases. Persons can harbour disease producing germs in their guts; skin and nails; mouth and nose; and transfer them directly to the food and water due to carelessness and unhygienic personal habits. Water and food may become contaminated when general sanitation is poor. The germs may be carried to the food by flies and other insects. Understanding of disease mechanism can help us to take preventive measures.

Our aim is health education of the public, particularly those engaged in food business, on public health matters related to food. We would like them to understand the source and spread of food-borne diseases and the means of preventing them. The displays at the exhibition here, will illustrate some of the points. We also wish to motivate the people to take positive actions to create a hygienic and clean environment at their premises.

Public health regulations require that all food premises are licenced and food handlers medically certified. Other rules and regulations governing various aspects of food trade are also enforced to protect public health. The enforcement authority is the Licencing Committee under the Municipal Board. Health Department carries out periodic inspection and evaluation of the premises. On the basis of the reports, necessary actions are recommended through the Municipal Department. The authorities will intensify their efforts to see that good standard of hygiene and sanitation are maintained at every food establishment. They will not hesitate to take stern measures against persistent offenders.

It is hoped that what is learnt at this seminar, is put into practical use by all concerned in order to make all our food premises safer, healthier and more pleasant for the customers and the public at large.

## Health exhibition, seminar

KUALA BELAIT. — A food sanitation exhibition and seminar was held at the Civic Centre here last week.

The week-long exhibition and seminar which was a follow-up to the recent Health Week was officially declared open by the Belait District Officer, Dato Paduka Haji Abdullah bin Hj Mohammad Jaafar.

Jointly organised by the District Office, and Medical and Health Department, it was designed to enhance the importance of food sanitation in the prevention of diseases and promotion of health.

These points were stressed by the Medical Officer of Health, Dr. K.P. Louis in his speech at the opening ceremony (following article).

During the seminar food handlers from all food and eating establishments in the district attended lectures given by, among others, the District Chief Health Inspector, Awang Goh Lim Jock, took part in discussions and were shown the correct way of handling food.

## Correction

YANG Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid is the Vice President of the Brunei Sports Council NOT the Vice President of the Brunei Amateur Football Association BAFA, as was erroneously published in last week's Pelita under the heading 'Football seminar ends'.— Editor.

المؤتمر الإسلامي الآسيوي الأول

## oleh2 dari PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA

OLEH:



HJ. ABD AZIZ JUNED

Siri ke-enambelas

# PEMBONGKARAN SELANJUT-NYA KEPALSUAN QADIANI

SA-LEPAS di-bebaskan oleh Mahkamah Ulangbichara *Amritsar,* lalu ia pun (Mirza Ghulam Ahmad) pergi lagi ka-Lahore dan *Sialkot* untok menyampaikan sharahan2-nya menyeru orang ramai supaya mengikut-nya. Ulama2 di-kedua2 buah tempat itu hanya mengambil tindakan menasehat orang ramai supaya jangan mendengar-nya. Tetapi Ghulam Ahmad terus menchoba dan menchoba, sahingga kemarahan orang ramai tidak dapat di-tahan2 lagi. Mereka menentangnya, dan bahkan ada yang melimpar-nya dengan batu. Tetapi bagaimana telah di-bayangkan dalam tulisan2 saya yang lalu, orang ini (Mirza Ghulam Ahmad) sentiasa mendapat perlindongan2 pehak berkuasa, maka kali ini juga ia di-beri perlindongan serupa itu, hingga dengan mudah sahaja ia menyelamatkan diri dengan menaiki kapalterbang.

Dalam tahun 1905, Mirza Ghulam Ahmad mendirikan sa-buah sekolah ugama berbahasa Arab di-*Qadian.* Sekolah ini bertujuan mengeluarkan pendakwah2 Qadiani yang berkebolehan, dengan maksud memperkuat mazhab mereka. Dan dalam tahun itu juga, ia pergi ka-Delhi dengan tujuan menyibarkan dakwah Qadiani, tetapi tidak berhasil membuat uchapan2 di-khalayak ramai kerana di-tentang oleh Ulama2. Ia hanya berhasil mengadakan pertemuan di-rumah2 sahaja — itu pun, terdapat dari kalangan yang hadhir orang2 mengecham-nya dengan keras, sehingga akhir-nya ia terpaksa lari meninggalkan bandar tersebut.

Dalam perjalanan balek dari Delhi, Mirza Ghulam Ahmad telah melalui *Amritsar.* Di-sini ia singgah dan telah membuat satu uchapan bertempat di-dalam sa-buah dewan khas. Manakala ia masok dewan tersebut dan akan memulakan uchapan-nya, lalu datang-lah sa-orang pengikut-nya menyogokkan sa-chawan teh kapada-nya. Ia pun mengambil dan menegok-nya sa-tegok, sedang masa itu ialah siang bulan Ramdhan. Kerana itu-lah, orang ramai yang menyaksikan peristiwa tersebut lalu berteriak2 mengecham perbuatan sumbang Mirza Ghulam Ahmad itu. Maka terjadi-lah kegemparan, menyebabkan Mirza Ghulam Ahmad tidak dapat meneruskan uchapan-nya. Orang ramai sangat marah kapadanya, dan kerana itu terpaksa pula ia lari sekali lagi meninggalkan bandar tersebut dengan di-kawal oleh pulis.

Dalam tahun itu juga (1905), Mirza Ghulam Ahmad menyangka yang diri-nya telah menerima wahyu daripada Allah. Wahyu itu memberi tahu berkenaan ajal-nya telah dekat benar, sa-hingga mendorong-nya menulis sa-buah risalah yang bertajok *wasiat* untok pengikut2-nya. Tetapi sebenarnya, ia memang merasakan kesihatan-nya telah merosot dan dengan senghaja *mengada-adakan* sabagai wahyu, untok mengelirukan orang ramai. Berikut masa itu juga ia mendakwa telah menerima wahyu supaya menyediakan satu tempat perkuboran yang khas untok pengikut2-nya, dan sasiapa jua yang ingin berkubor di-tempat tersebut, hendak-lah memberikan ¼ dari jumlah harta-nya kapada perbendaharaan Qadiani.

Di-pendekkan mengenai Mirza Ghulam Ahmad. Pada bulan Mei 1908 bersamaan tahun Hijrah 1326, di-bandar Lahore, sa-telah menderita di-serang penyakit cheret beret, Mirza Ghulam Ahmad meninggal dunia. Mayatnya di-pindahkan ka-*Qadian,* kampong asal-nya, dan di-kuborkan di-sana. Sa-lepas itu pengikut2-nya telah mengangkat pula saorang yang bernama Hakim Nuruddin untok mengetuai Mazhab Qadiani menggantikan Mirza Ghulam Ahmad pada tahun 1914. Hakim Nuruddin meninggal dunia di-gantikan oleh anak Mirza Ghulam Ahmad sendiri, Bashiruddin Mahmud.

Demikian-lah serba sedikit choretan saya mengenai sejarah hidup Mirza Ghulam Ahmad dan asal puncha kelahiran ugama Qadiani, yang saya petik dari buku *Al-Harakat Al-Haddamah Al-Qadianiah* sa-buah buku terbitan Rabitah Al-'Alam Al-Islam, Makkatul Mukarramah. Mudah2an dengan itu kita dapat-lah sedikit gambaran mengenai diri pengasas Qadiani dan ugama ini yang sebenarnya.

Bagaimanapun, saya belum-lah hendak menamatkan tulisan tentang Qadiani ini, kerana maseh banyak lagi yang perlu di-tulis mengenai-nya: Mengenai pergerakan dan ajaran2-nya. Sunggohpun ajaran Qadiani itu tidak pernah menempati hati masharakat Brunei, dan kerana itu pula kita menguchapkan berbanyak2 shukor, tetapi jangan lupa, usaha2 untok mempengarohi dan menarek orang2 Islam kadalam perangkap Qadiani itu tidak-lah berakhir dengan mati-nya Mirza Ghulam Ahmad pada tahun 1908. Kerana itu-lah ia mesti di-ambil perhatian serius. Hampir ¾ abad hingga sekarang, Qadianism telah mendapat tempat di-dalam 27 buah negara di-dunia yang membenarkan atau menghalalkan ajaran2 Qadiani itu di-ajar dan di-kembangkan (lihat Utusan Kiblat keluaran Rejab, 1398/Julai, 1978). Negara2 itu ia-lah:

1. Eropah: *England, Holland, Switzerland, Sweden, German, Denmark* dan *Spanyol.*

2. Amerika: *Guyana, Trinidad, Surinam* dan *Amerika Sharikat.*

3. Afrika: *Ghana, Ivory-Coast, Nigeria, Liberia, Kenya, Afrika Selatan, Zambia, Gambia, Tanzania, Mauritius* dan *Sierraleone.*

4. Asia: *Jepun, Singapura, Sri Lanka* dan *Fiji.*

Kita tidak-lah hairan mengapa negeri2 yang disebutkan itu menghalalkan ugama Qadiani serta membenarkan-nya berkembang atau di-kembangkan di-kalangan penduduk masing2. Hal itu kita chukop maklom. Tetapi *Dunia Islam* telah memberi jawapan-nya yang tegas bahawa mereka mengharamkan Qadianism dengan tidak ada tawar menawar lagi. Pengharaman itu ada-lah mutlak, bukan sahaja oleh Ulama2 Shafi'e, Hanafi, Maleki dan Hanbali, bahkan juga oleh orang2 Shi'ah. Mereka semua-nya sekata menghukumkan ajaran2 Qadiani itu terkeluar dari Islam — bukan ajaran ugama Islam. Dan sa-siapa yang mengikut-nya ada-lah orang itu *bukan orang Islam.* Bahkan menurut hukum, orang2 Qadiani itu *tidak-lah termasok dalam golongan orang2 Zimmi. Orang2 Zimmi mempunyai hak di-sisi Islam, tidak boleh di-ganggu harta dan darah mereka, dengan sharat ia mesti tunduk dan mengikut hukum2 Islam yang di-jalankan dalam negeri Islam. Jika ahli zimmah atau orang Zimmi memerangi kita orang Islam, atau enggan membayar jizyah, atau enggan dari di-jalankan hukum Islam di-atas-nya, maka 'akad (perjanjian) tinggal dalam negeri Islam itu batal.* Tetapi tidak hal-nya dengan puak Qadiani. Mereka bukan termasok dalam golongan orang Zimmi, tetapi satu puak yang *murtad* keluar dari Islam, dan orang murtad ada hukuman-nya yang tersendiri. Jika mereka terang bekerja dan berusaha merosak dan melemahkan Islam dengan mendatangkan berbagai2 shak dan kesamaran, supaya hapus Islam dan keluar orang Islam dari ugama Islam, maka wajib di-atas Raja menghalang atau memerangi mereka itu, atau mengurong mereka dalam penjara atau menahan dari masok ka-dalam negeri Islam, kerana kewajipan Raja menahan kejahatan ahli bid-'ah dan ahli sesat dan menolak kejahatan itu dari kena ka-atas umat Islam (sila rujok fatwa Mufti Kerajaan Brunei Bilangan (30) Dlm. MKB 3/1967 bertarikh 19hb Jamadil Akhir, 1390 bersamaan 22hb Ogos, 1970).

(BERSAMBONG)

## Jadual lawatan Doktor Terbang bagi Dis. 1978

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan akan menghantar rombongan perubatan melalui pesawat helikopter sepanjang bulan Disember ini ka-beberapa kawasan pendalaman di-seluroh negeri pada 6hb Disember rombongan akan melawat Kampong Baran dan Teraja, Ulu Belait.

Di-Kampong Buau rombongan perubatan itu juga akan sampai pada hari Isnin, 11hb Disember, di-Kampong Benutan pada 12hb Disember dan di-Kampong Lupat, Ulu Temburong pada 13hb Disember.

Di-Kampong Biang Menengah dan Lamaling rombongan akan melawat pada hari Isnin, 18hb Disember, di-Kampong Panchong pada 19hb Disember, Kampong Ukong pada 20hb Disember dan Kampong Sukang pada 27hb Disember.

Tambahan rombongan berkenaan akan juga merawat pendudok2 di-Kampong Merangking, Ulu Belait pada bulan Disember ini jika jalan-raya tidak dapat di-lalui oleh kenderaan. Penerbangan itu akan di-lakukan sachara terbuka sekira-nya kejadian banjir berlaku.

# KEINDAHAN HIDUP MUDAH MELUPAKAN INGATAN MATI




SUASANA alam kehidupan kita yang sentiasa sebok dan di-penohi oleh berbagai2 chorak kehidupan ini, tidak shak lagi ada-lah merupakan salah satu faktor yang boleh menghilangkan ingatan kita kapada kematian. Sedangkan pada hakikat-nya kematian itu mesti akan datang samada kita sukai atau pun tidak.

Hari demi hari berlalu, tanpa kita sedari usia kita telah bertambah tua, ini memberi erti bahawa jarak perjalanan kita menuju ka-alam barzakh semakin dekat. Panggilan kubor bertambah lantang dan kedatangan Malikal-Maut semakin hampir kapada kita. Berbahagia-lah sa-tiap hamba Allah yang chukop persediaan-nya untok menghadapi segala2-nya itu. Sebalek-nya akan menyesal dan kechiwa-lah sa-tiap hamba Allah yang lalai lantaran di-lekakan oleh suasana alam kehidupan-nya.

Sa-bagai sa-orang hamba Allah yang benar2 beriman kapada hari akhirat, ia-itu hari di-mana seluroh manusia ini di-bangkitkan untok di-soal dan di-timbang segala amal kebajikan-nya di-dunia, maka sepatut-nya di-sedari sebanyak mana amal ibadat serta amal2 kebajikan yang telah di-lakukan sewaktu hayat kita. Kerana hanya-lah dengan ibadat dan amal kebajikan sahaja yang akan dapat menyelamatkan kita dari bahaya, siksa-nya neraka. Sedangkan perkara2 yang lain saperti harta benda, anak2 dan keluarga serta darjat dan kebesaran akan tinggal di-belakang kita untok menghadapi *Ilahi*.

Oleh yang demikian kena-lah pada tempat-nya kita mengira serta memperhitongkan dengan teliti sa-tiap amal diri sendiri sabelum Allah s.w.t. mengambil edaran-Nya untok memperhitongkan amalan kita, demikian-lah sebagaimana yang pernah di-nasehatkan oleh Rasulullah s.a.w.

Sesunggoh-nya telah pun di-maklomi bahawa zaman kita masa ini ada-lah zaman kemunchak-nya kejayaan pengetahuan sains dan teknoloji. Berbagai2 penemuan baharu telah di-perolehi di-segenap bidang termasok bidang ilmu kesihatan dan kedoktoran. Tetapi, bagaimana pun maju-nya ilmu2 perubatan tersebut setakat ini belum terbokti yang pakar2 perubatan telah dapat memanjangkan umor manusia dari keadaan-nya yang biasa.

Hampir semua orang menyedari bahawa pukol rata umor manusia itu hanya antara 60—70 paling panjang. Tetapi ada-kah pula kita menyedari bahawa sepanjang 60 atau 70 tahun usia kita itu jika kita hanya menggunakan tidak lebeh dari 4 atau 5 tahun untok melakukan ibadat sechara yang bersunggoh2, sedangkan yang 56 atau 55 tahun sa-lebeh-nya itu habis di-gunakan untok kegiatan2 yang lain yang tidak di-hubongkan dengan ibadat saperti makan dan minum, tidor, berhibor dan berehat dan seumpama-nya.

Alang-kah kechil dan sedikit-nya masa yang di-gunakan oleh sa-orang hamba Allah itu untok menyediakan diri-nya menghadapi hari yang akan datang jika di-banding dengan masa yang lebeh banyak untok bersuka ria dan berlapang2. Oleh itu, sayogia-lah kita semua mengambil ingatan dari usia kita yang pendek ini, kita rebut dan ambil peluang yang amat berharga itu untok melebehkan kegiatan2 kita bagi memperoleh bakal yang banyak di-akhirat, dengan chara membatasi dunia kita untok akhirat. Hal ini penting di-beritahu dan di-ulang2, sebab kita manusia ini mudah lupa dan selalu lalai di-lalaikan oleh faktor2 kehidupan kita sendiri dan juga faktor2 yang mempengarohi kita.



TUAN Haji Hassan Azahari ketika beruchap di-pembukaan rasmi kursus tersebut.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 6hb Disember, 1978 hingga ka-hari Selasa 12hb Disember, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini : —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 6hb Dis. | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 7hb Dis. | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 8hb Dis. | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 9hb Dis. | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 10hb Dis. | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 11hb. Dis. | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 12hb. Dis. | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# BERMURAH HATI MELAHIRKAN KASEH SAYANG

**Bingkisan minggu ini**

SESUNGGOH-NYA Allah melihat apa yang tersimpan dalam hati makhlok-nya (hamba-nya).

Dari itu apabila hati sa-seorang itu berseh dari hasad dengki, berseh dari kekotoran takbor, berseh dari prasangka burok terhadap sa-seorang serta berseh dari menunjol2kan apa yang di-buat-nya, orang ini-lah yang akan mendapat selamat hidup-nya dari Allah malahan akan di-lipat gandakan rahmat itu juga di-berikan kapada-nya segala rupa kebaikan terjauh dari keburokan. Tetapi barang siapa yang mempunyai sifat2 keji ini, di-sempitkan segala bentok atau rupa kebaikan bagi-nya serta terchichir segala chita kehendak-nya.

Sa-seorang muslim hendak-lah bermurah hati mengeluarkan kaseh-nya kapada saudara2-nya serta berdiri tegoh di-atas dan keharmornian mereka, kaseh mengasihani, tolong-menolong, tegor sapa dengan kemesraan, hormat-menghormati antara satu sama lain. Semua perasaan ini-lah yang akan menjadi benteng atau tembok pertahanan dari meresap-nya sifat hasad dengki di-hati kita.

Juga kita sa-bagai sa-orang muslim sa-wajib-nya mengikis sifat2 keji kerana sifat2 ini ibarat minyak yang boleh menyalakan api yang membakar panas, serta menimbolkan permusohan sesama sendiri yang bukan hanya boleh membawa keruntohan moral sa-serorang tetapi juga kapada masharakat-nya, kerana sifat ini apabila berbagai2 chorak jarum dan duri-nya ia akan chepat membiak dan meresap ka-dalam masharakat.

Jadi-lah permusohan, bermasam2an muka di-antara satu sama lain, akibat-nya hilang-lah sifat kesabaran dan kechintaan serta timbul-lah kelompok2 masharakat di-antara kita, hilang-lah ketenteraman dan kesetabilan masharakat sekitar-nya.

Pun juga, sifat ini apabila ia dapat menguasai serta bertempat di-hati kita, akan bertempiaran-lah perasaan halus kaseh mengasehi tadi, akan hancor berderai-lah chinta kita terhadap masharakat saperti kacha jatoh ka-batu dengan sendiri-nya membolehkan kita lupa kapada Tuhan malahan orang2 yang begini-lah yang membawa kehanchoran di-atas muka bumi ini, kerana sifat ini ibarat gunong berapi masa kechil tidak kelihatan tetapi apabila besar membara atau meletup binasa-lah akibat-nya.

Untok mengelakkan benchana yang amat dahshat ini maka ugama Islam telah menunjokkan chara dan jalan-nya, ia-itu dengan chara melembut dan memaafkan jika sekira-nya ada orang meminta kemaafan pada-nya, serta menyedari bahawa menolak maaf sa-seorang itu ada-lah suatu kesalahan yang bukan kechil tetapi ada-lah amat besar.

Rasulullah ada bersabda yang kira2 erti-nya berbunyi, "Siapa yang meminta maaf kapada saudara-nya yang muslim, maka maaf-nya itu tidak di-terima bagi-nya (orang yang menolak) dosa saperti kesalahan orang yang meminta maaf itu", begitu-lah penting dan mustahak-nya sifat ini bagi kita umat Islam demi membentok masharakat yang harmorni dan bahagia, kukoh buat selama2-nya.

# Kursus Amali Al-Kor'an

KURSUS Amali Al-Kor'an selama lapan hari anjoran bersama oleh pelajar2 Al-Kor'an Jabatan2 Pelajaran, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bomba dan Perubatan telah di-rasmikan petang Sabtu, 24hb Nobember yang baru lalu oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama. Majlis perasmian kursus itu telah di-langsongkan di-Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna di-Batu Satu Jalan Tutong. Turut beruchap ia-lah Pengerusi Jawatankuasa kursus itu, Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit dan Tuan Haji Hassan Azahari dari Selangor, Malaysia yang bertanggong-jawab mengendalikan kursus tersebut. Kursus itu telah di-sertai oleh lebeh dari dua ratus orang termasok lima puloh orang wanita.



SA-BAHAGIAN dari jemputan dan pelajar kelas Al-Kor'an yang menghadhiri majlis tersebut. (Gambar JHEU).

# PENUNTUT2 INI DI-KEHENDAKI UNTOK TEMUDUGA TERAKHIR

NAMA2 penuntut yang di-siarkan dalam ruangan ini ada-lah di-kehendaki had-hir ka-Pusat Latehan, Per-khemahan Bolkiah untok menjalani temu-duga ter-akhir bagi memasoki Paso-kan Askar Muda Melayu Diraja Brunei yang akan di-adakan pada 1hb dan 12hb Disember depan.

Bagi penuntut2 dari Dae-rah Belait dan Tutong me-reka ada-lah di-kehendaki berada di-sekolah masing2 pada 10hb Disember pada jam 2.00 petang, sementara penuntut2 dari Daerah Brunei/Muara dan Tem-burong pada 11hb Disem-ber juga jam 2.00 petang.

Semua penuntut berke-naan akan di-ambil oleh kenderaan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei di-sekolah masing2 mengikut tarikh dan masa yang di-tetapkan di-atas untok di-bawa ka-Pusat Latehan.

Berikut ia-lah nama2 mereka yang di-kehendaki untok menjalani temu-duga berkenaan mengikut nama sekolah masing2:

**DAERAH TUTONG**

**Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah**

Ishak bin Basmi, Noor-din bin Yusof, Abu Bakar bin Mohamad, Rusli bin Ampil, Ak Masuni bin Pg Daud, Roslan bin Hamdan, Ramli bin Nasir, Roslan bin Nayan dan Azlan bin Haji Sani.

**Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim**

Musa bin Basri.

**DAERAH BELAIT**

**Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait**

Mahmud bin Mohamad, Ali anak Unchat, Ahmad bin Bakar, Abd Aziz bin Ramlee, Ak Ali bin Pg Hj Metasan, Osman bin Zai-lani, Azhar bin Abd Aziz, Noor bin Pawi dan Abd Hamid bin Ibrahim.

**Maktab Anthony Abell, Seria**

Ak Tajuddin bin Pg Karim, Julkipli bin Hassan, Adanan bin Engin, Mahadi bin Zakaria, Mohd Yusof bin Mohd Daud, dan Ros-hidi bin Kepli.

**Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, KB.**

Abdul Razak bin Kas-mai dan Mohamad bin Ibrahim.

**Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria**

Ahmad bin Baha dan Kassim bin Suhaili.

**DAERAH BRUNEI DAN MUARA DAN TEMBURONG**

**Sekolah Inggeris Berakas**

Rosman bin Hj Abd Has-san, Ak Kamal Bashah bin Pg Ahmad, Awg Hassan bin Hj Ahmad, Ak Shar-bini bin Pg Mahmud, Ak Zulkifli bin Pg Ismail, Junaidi bin Othman, Mohd Husaini bin Awg Angkat, Noordin bin Yaakob, Mohd Taha bin Mohd Yu-sof, Ak Mashor bin Pg Md Salleh dan Azhar bin Hj Ahmad.

**MAKTAB SOAS, B.S.B.**

Ak Abd Rahman bin Pg Kahar, Zainal Ariffin bin Zainuddin, Ahmad Su-fri bin Mohd Yusof, Buang bin Tanjong, Ak Adnan bin Pg Seri Indera Pg Hj Is-mail, Ak Julaidi bin Pg Hj Ahmad, Awg Mohamad bin Awg Hassan dan Ak Kamarulzaman bin Pg Chuchu.

**Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar**

Ismail bin Hj Tengah dan Ismail bin Md Salleh.



KEWASPADAAN ada-lah merupakan sesuatu yang penting bagi sa-tiap diri kita lebeh2 lagi bagi anggota pasokan keselamatan baik di-mana juga mereka berada. Kelihatan gambar ini kewaspadaan sentiasa di-pelihara sa-tiap masa dan ketika sekalipun yang lain-nya berkeadaan sambil lewa dan yang satu lagi berdiri patoh dengan senjata di-tangan. Keadaan ini ada-lah satu sudut yang menggembirakan sa-telah pasokan ini berjaya melakukan serangan ka-kubu pasokan musoh dalam latehan tentera yang telah di-adakan baru2 ini. Gambar ehsan dari YDM Pehin Datu Perkasa Mejar Dato Seri Laila Jasa Ishak yang turut menyertai latehan itu.



MENDAFTARKAN nama sa-bagai penderma kapada Bank Darah bagi anggota PLP saperti gambar di-atas dan gambar bawah darah di-pereksa sa-belum pemindahan darah di-lakukan.




# PLP DERMA DARAH

SA-RAMAI 62 orang kaki-tangan, pegawai2 pelateh dan rekrut2 Pulis Diraja Brunei dari Pusat Latehan Pulis di-Jalan Muara, pada 29hb Nobember yang baru lalu telah melakukan pen-dermaan darah kapada Bank Darah Rumah Sakit Umom di-ibu negeri.

Kerja2 pengambilan da-rah tersebut telah di-laku-kan oleh pegawai2 berge-rak dari Bank Darah ber-tempat di-dewan besar Pu-sat Latehan tersebut.

Pendermaan darah hari itu ada-lah merupakan satu2-nya yang paling ra-mai pernah di-lakukan oleh unit tersebut sepanjang ia-nya bergerak selama ini. Dengan ini sa-jumlah 1,546 pint darah dari berbagai jenis telah di-perolehi sejak bulan Januari tahun ini.





KERJA2 pemindahan darah sedang di-lakukan kapada anggota2 ini sa-telah kemampuan darah mereka di-uji.

# Ikuti berbagai kursus

BEBERAPA orang pegawai kanan dan anggota Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei di-beberapa unit akan bertolak meninggalkan negeri ini untok mengikuti berbagai kursus ke-tenteraan di-seberang laut.

Bertolak pada 20hb Nobem-ber lepas menuju United King-dom, Pegawai Kadet Kamalu-din bin Hj Ibrahim dari Pusat Latehan AMDB di-Bolkiah Kem akan menjalani kursus bahasa Inggeris di-Pusat Late-han Bahasa Inggeris Camelot.

Sa-telah lulus kursus bahasa Inggeris Pegawai Kadet Ka-maludin akan mengikuti pula kursus Asas Pegawai Kadet di-Maktab Tentera Diraja Sandhurst untok selama enam bulan.

Sementara itu dari Angka-tan Laut Pertama pula, Kap-tan Jaafar bin Hj Abd Aziz akan mengikuti kursus sa-bagai Pegawai Kapal Pendarat di-Royal Marine Poole, Dorset, England sa-lama kira2 tiga bulan mulai 8hb Januari hing-ga 30hb Mach depan.

Juga akan bertolak mening-galkan negeri ini minggu de-pan ia-lah tiga orang pegawai yang terdiri dari Lt Ak Has-him bin Pg Wahab, Kopral Asut bin Punggut dan Kopral Awg Hashim bin Hj Tiruddin. Mereka akan bertolak ka-Hong Kong pada 11hb hingga 15hb Disember ini bagi me-ngikuti kursus Asas Mendaki Batu (Basic Rock Climbing) di-Pusat Latehan Jasmani dan Kegiatan Luar Biasa, Hong Kong.

Lt Taha bin Hj Md Yusof dari Battalion Pertama pada 4hb Disember lepas telah ber-tolak ka-Hong Kong untok mengikuti kursus Pegawai Unit Bomba sehingga 13hb Disem-ber ini.

